

Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif

(The Sustenance Domain in Malay Proverbs Oriented by *Aves* Through the Semantic Inquisitive Perspective)

Muhammad Zaid Daud

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa,
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia*

Corresponding author: zaid_daud93@yahoo.com

Abstrak. *Aves* dapat dikelaskan sebagai haiwan yang mempunyai sayap; sama ada boleh terbang mahupun tidak, berdarah panas, berkaki dua dan bertelur. Ia juga adalah haiwan vertebrata yang terdapat di serata dunia termasuk di sekitar gurun, hingga ke kutub utara dan selatan, serta di kawasan hujan tropika. Kewujudan *Aves* dalam peribahasa Melayu dapat dipecahkan lagi kepada beberapa sub haiwan yang lain iaitu ayam (*Gallus gallus domesticus*), burung (*Bird*), itik (*Anas platyrhynchos*) dan angsa (*Anserini*). Kajian ini berbentuk kualitatif dalam menganalisis peribahasa Melayu yang berunsurkan *Aves* melalui perspektif semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam domain “rezeki”. Dapatan data diperoleh daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (2016) susunan Abdullah Hussain. Seterusnya, analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan dalam kajian ini dengan berpandukan data korpus di Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*. Penggunaan data korpus ini bukan sahaja mampu memberikan anteseden tambahan kepada pengkaji malahan dapat membantu pengkaji memahami konteks sebenar peribahasa tersebut sehinggalah ke akal budi penuturnya.

Kata kunci—rezeki; haiwan; *Aves*; peribahasa Melayu; semantik inkuisitif; akal budi Melayu

Abstract. *Aves* can be classified as animals that have wings (either fly or not), hot-blooded, two-legged and lay eggs. It is also known as vertebrate animals found throughout the world including in the desert, to the north and south pole and in tropical rain forests. The existence of *Aves* in Malay proverbs can be broken down into several other subspecies such as chicken (*Gallus gallus domesticus*), birds (*Bird*), ducks (*Anas platyrhynchos*) and goose (*Anserini*). This study is qualitative in analyzing Malay proverbs oriented by *Aves* through the semantic inquisitive perspective by Nor Hashimah Jalaluddin (2014) in the “sustenance” domain. Data findings were obtained from *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (2016) by Abdullah Hussain. Furthermore, the analysis of the Cross Reference Framework (CRF) was applied in this study based on the corpus data in the *Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)* and *Malay Concordance Project (MCP)*. The use of corpus data not only could provide additional antecedents to researchers but also could help the researchers understand the context of the proverb into the mind of the speaker.

Keywords—sustenance; animal; *Aves*; Malay proverbs; semantic inquisitive; Malay mind